



SOALAN LAZIM (FAQ)

BERKAITAN PENGURUSAN

PENTAKSIRAN PUSAT DAN PEPERIKSAAN AWAM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- 1. Adakah peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/STPM dan peperiksaan antarabangsa yang setara bagi murid tahun 2020 akan dijalankan?**

Ya. Peperiksaan akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

- 2. Adakah calon peperiksaan perlu mendapatkan surat kebenaran pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi merentas daerah/negeri untuk hadir ke pusat peperiksaan?**

Tidak. Calon hanya perlu mengemukakan dokumen pengesahan sebagai calon peperiksaan awam seperti Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan/Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon sekiranya diminta oleh pihak PDRM.

- 3. Adakah petugas peperiksaan perlu mendapatkan surat kebenaran pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi merentas daerah/negeri untuk bertugas di bilik kebal/pusat peperiksaan?**

Tidak. Petugas peperiksaan hanya perlu mengemukakan dokumen

pengesahan sebagai petugas peperiksaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri/Lembaga Peperiksaan/Majlis Peperiksaan Malaysia sekiranya diminta oleh pihak PDRM.

4. Adakah calon dan petugas peperiksaan perlu memakai pelitup separuh muka di sekolah dan sepanjang tempoh peperiksaan dijalankan?

Ya.

5. Adakah calon sekolah dan calon persendirian perlu membuat pengisytiharan kesihatan sebelum memasuki pusat peperiksaan?

Ya. Calon sekolah dan calon persendirian hendaklah membuat pengisytiharan kesihatan pada setiap hari melalui salah satu kaedah seperti yang berikut:

- i. Calon boleh mendapatkan Borang Deklarasi Saringan COVID-19 yang disediakan oleh pihak sekolah/Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP, JPN). Borang yang telah lengkap diisi perlu diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan; atau
- ii. Calon boleh memuat turun Borang Deklarasi Saringan COVID-19 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan melalui pautan lp.moe.gov.my atau Majlis Peperiksaan Malaysia melalui pautan mpm.edu.my. Borang yang telah lengkap diisi perlu diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan.

6. Apakah tujuan pengisian Borang Deklarasi Saringan COVID-19 pada setiap hari peperiksaan?

Borang Deklarasi Saringan COVID-19 bertujuan untuk memastikan maklumat tahap kesihatan calon dimaklumkan dengan tepat bagi membantu petugas peperiksaan mengurus calon mengikut SOP yang bersesuaian dan peperiksaan dapat berlangsung dengan lancar.

7. Adakah calon yang hadir ke pusat peperiksaan dan mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius dibenarkan menduduki peperiksaan?

Tidak.

8. Apakah tindakan calon peperiksaan yang mempunyai gejala COVID-19 sebelum hadir ke pusat peperiksaan?

- a. Bagi calon sekolah, calon/ibu bapa/penjaga hendaklah menghubungi pihak sekolah. Manakala bagi calon persendirian, calon/ibu bapa/penjaga hendaklah menghubungi pihak SPP, JPN tempat calon mendaftar.
- b. Calon dikehendaki mendapatkan rawatan di klinik/hospital untuk mendapatkan surat/dokumen pengesahan tahap kesihatan diri.
- c. Sekiranya calon disahkan bebas gejala COVID-19 dan boleh menduduki peperiksaan, calon dibenarkan untuk menduduki peperiksaan di pusat peperiksaan.
- d. Setelah mendapatkan rawatan di klinik/hospital dan calon hadir di pusat peperiksaan tidak melepasi 30 minit daripada

waktu mula peperiksaan, calon akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan pada hari yang sama di pusat peperiksaan dan diberi gantian masa menjawab.

- e. Sekiranya setelah mendapatkan rawatan di klinik/hospital dan calon hadir di pusat peperiksaan melepasi 30 minit daripada waktu mula peperiksaan, calon tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan pada hari yang sama tetapi dibenarkan untuk menduduki peperiksaan yang dijadualkan semula.
- f. Calon yang disahkan mempunyai gejala COVID-19 hendaklah menyerahkan surat/dokumen pengesahan tahap kesihatan diri/arahan kuarantin kepada pihak sekolah bagi proses permohonan menduduki kertas peperiksaan yang dijadualkan semula.

9. Mengapakah surat/dokumen pengesahan tahap kesihatan diri/arahan kuarantin diperlukan?

Surat/dokumen pengesahan tahap kesihatan diri/arahan kuarantin diperlukan oleh Lembaga Peperiksaan/Majlis Peperiksaan Malaysia sebagai dokumen sokongan untuk pertimbangan membenarkan calon menduduki peperiksaan yang dijadualkan semula.

10. Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika calon diarah menjalani kuarantin sebelum hadir ke pusat peperiksaan?

a. Calon Sekolah:

Calon/Ibu bapa/Penjaga hendaklah menghubungi pihak sekolah.

Calon juga dikehendaki kekal berada di rumah/asrama/pusat

kuarantin.

b. Calon Persendirian:

Calon/Ibu bapa/Penjaga hendaklah menghubungi pihak SPP, JPN tempat calon mendaftar. Calon juga dikehendaki kekal berada di rumah/pusat kuarantin.

11. Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika calon dikenal pasti oleh PKD positif COVID-19 atau calon yang diarahkan kuarantin dan tidak dapat menghadiri peperiksaan?

a. Calon Sekolah:

Calon/Ibu bapa/Penjaga hendaklah menghubungi pihak sekolah dan mengemukakan maklumat mengenai kuarantin berserta dokumen berkaitan.

b. Calon Persendirian:

Calon/Ibu bapa/Penjaga hendaklah menghubungi pihak SPP, JPN tempat calon mendaftar dan mengemukakan maklumat mengenai kuarantin berserta dokumen berkaitan.

12. Adakah calon positif COVID-19 atau calon yang diarahkan kuarantin boleh menduduki peperiksaan?

Tidak.

13. Bilakah calon yang positif COVID-19 atau calon yang diarahkan kuarantin boleh menduduki peperiksaan?

Calon hanya dibenarkan menduduki peperiksaan bagi baki kertas peperiksaan yang masih berlangsung selepas tempoh rawatan/kuarantin dan disahkan sihat.

14. Bagaimana pula dengan kertas peperiksaan yang tidak diduduki semasa tempoh rawatan/kuarantin?

Calon dibenarkan menduduki kertas yang dijadualkan semula.

15. Apakah tindakan pihak sekolah jika ada ibu bapa/penjaga memaklumkan bahawa anak/anak jagaan mereka yang telah berada di pusat peperiksaan dikenal pasti mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19?

Petugas peperiksaan perlu mengasingkan calon di bilik peperiksaan khas untuk meneruskan peperiksaan. Pihak sekolah akan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk tindakan selanjutnya.

-TAMAT -